



**PARLIMEN MALAYSIA  
(KAMAR KHAS)**

**UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN  
PERKARA  
TADBIR KERAJAAN  
(*PERATURAN MESYUARAT 17*)  
DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA  
PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI  
10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)  
2.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG**

Ucapan : Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]  
Tajuk Ucapan : Masalah Mengenai Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Bandaraya Melaka  
Tarikh Ucapan : 10 Oktober, 2019 (Khamis)  
Kementerian : Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

Tuan Yang di-Pertua,

Saya merujuk kepada suatu projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di Melaka, iaitu projek Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Bandaraya Melaka yang dikendalikan oleh syarikat Iswarabena Sdn Bhd untuk tempoh 2017-2020.

Apabila projek tersebut dimulakan di kawasan Taman Merdeka Jaya, saya telah menerima banyak aduan daripada penduduk di kawasan tersebut kerana rumah-rumah mereka telah mengalami kerosakan dan keretakan yang sangat serius. Sehingga kini, dijangkakan 70-80 buah rumah telah terkesan. Disertakan di sini adalah beberapa gambar yang telah dihantar oleh para pengadu.

Syarikat kontraktor dan Kerajaan negeri telah menerima aduan dan mengambil langkah-langkah untuk menyiasat perkara ini. Namun, saya dimaklumkan bahawa kerja-kerja projek tersebut telah dimulakan semula, lalu menyebabkan kerosakan yang lebih teruk lagi kepada para penduduk.

Para penduduk juga telah meminta pandangan daripada jurutera perunding bebas, dan saya dimaklumkan bahawa mereka mensyaki bahawa masalah ini berlaku kerana projek pembinaan tidak mengikuti spesifikasi.

Saya membawa isu ini ke perhatian Kementerian kerana ia amat serius dan mendesak, memandangkan penduduk-penduduk yang terkesan telah mengalami kerugian yang besar dan rumah mereka berada dalam keadaan yang tidak selamat. Mereka telah memohon supaya jalan penyelesaian dikemukakan secepat mungkin oleh pihak kontraktor dan Kerajaan, termasuk dari segi ganti rugi.

Maka, saya memohon agar pihak Kementerian dapat memberi penjelasan tentang status terkini masalah ini, terutamanya dari segi jalan penyelesaian, garis masa, dan sama ada ganti rugi akan diberikan.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebelum saya memberi maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh YB Kota Melaka, izinkan saya untuk memberikan sedikit maklumat mengenai projek berkenaan. Aduan yang dibangkitkan secara tepatnya merujuk kepada Projek Pembinaan Rangkaian Paip Pembetungan di Batu Berendam, Melaka dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) yang merupakan agensi di bawah Kementerian ini. Kerajaan telah melantik syarikat Iswarabena Sdn Bhd sebagai kontraktor reka dan bina bagi melaksanakan projek tersebut. Projek yang bermula pada 6 Mac 2017 lalu telah mencapai kemajuan sehingga 72% dan dijangka dapat disiapkan pada 6 Mac 2021.
2. Kementerian sedia maklum akan aduan keretakan rumah di Taman Merdeka Jaya yang dikaitkan dengan pelaksanaan Projek Pembetungan Batu Berendam. Untuk makluman, pihak kontraktor juga telah diarahkan untuk memberhentikan kerja-kerja pembinaan di Taman Merdeka Jaya sementara siasatan dan rangka tindakan penyelesaian dimuktamadkan.
3. Sehingga 30 September 2019, jumlah aduan rasmi keretakan rumah yang diterima membabitkan sebanyak 62 rumah. Pihak kontraktor juga masih menerima aduan-aduan baharu yang akan dipanjangkan oleh YB Kesidang dari semasa ke semasa yang turut bertindak sebagai *focal person* bagi pihak penduduk berhubung aduan ini.
4. Pemeriksaan lanjutan susulan aduan yang diterima turut dilakukan ke rumah yang terlibat bagi meninjau dan merekodkan dengan lebih

terperinci kesan keretakan sebagaimana dilaporkan. Kebanyakan keretakan yang dikesan berlaku pada bangunan tambahan yang dibina antaranya pada struktur dinding, tiang dan lantai ruangan dapur tambahan, belakang rumah serta kawasan parkir berbumbung. Struktur asal bangunan/rumah dilihat tidak terjejas dan masih berkeadaan baik.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Beberapa siri perbincangan dan mesyuarat khas berhubung aduan keretakan ini juga telah diadakan membabitkan penglibatan pihak Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), YB Kesidang, wakil penduduk, JPP, pihak kontraktor dan perunding bagi mencari jalan penyelesaian terbaik berhubung isu ini. Mesyuarat terakhir pada 25 September 2019 telah bersetuju dengan pelantikan Juruperunding G&P Geotechnics Sdn Bhd sebagai perunding bebas untuk menjalankan penyiasatan punca keretakan rumah terlibat dan hubung kait dengan pelaksanaan projek ini.
6. Mesyuarat juga mengambil maklum tempoh masa sekurang-kurangnya satu (1) bulan diperlukan perunding bagi menyediakan laporan awal punca kerosakan. Pihak kontraktor juga akan melaksanakan tindakan pemantauan impak keretakan menerusi pemasangan instrumen pengukuran yang disyorkan perunding bebas.
7. Dalam Mesyuarak Khas pada 25 September 2019 juga, pihak kontraktor telah memberi komitmen untuk menyelesaikan masalah rumah retak yang dialami penduduk. Sehingga 30 September 2019, sebanyak 50 buah rumah telah diperiksa dan 40 buah rumah telah mendapat persetujuan membenarkan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan oleh

pihak kontraktor dan kerja-kerja pembaikan telah dimulakan bagi 4 unit rumah terbabit.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Pihak Kementerian menerusi JPP dengan kerjasama MPHTJ serta YB Kesidang akan terus memantau perkembangan aduan ini dan memastikan tindakan penyelesaian yang menyeluruh. Sebagai langkah kawalan tambahan pada masa akan datang, perunding bebas akan turut meneliti kaedah kerja semasa yang digunakan di tapak dan mencadangkan tindakan penambahbaikan yang boleh diambil.

9. Akhir kata, pelaksanaan projek pembetungan Batu Berendam adalah demi kesejahteraan penduduk yang bakal mempunyai sistem perkhidmatan pembetungan yang cekap dan moden selari dengan pembangunan Batu Berendam. Oleh yang demikian, semua pihak diminta memberi ruang kepada perunding, pihak kontraktor serta Kerajaan untuk menjalankan siasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan semua permasalahan dalam proses menyiapkan projek ini.

Sekian, terima kasih.